Headline: Pesara rugi RM740,000 diperdaya Macau scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 14 June 2020

Language: Malay Section: Nasional

Page: 17

Pesara rugi RM740,000 diperdaya Macau Scam

Kuantan: Seorang pesara mendakwa simpanannya berjumlah RM740,000 lesap selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis, sejak hampir empat bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa berusia 65 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai dari Balai Polis Kota Kinabalu, Sabah sekitar Mac lalu.

Suspek mendakwa perlu melakukan soal siasat kerana terdapat kertas siasatan mengaitkan nama mangsa yang disyaki terbabit dalam pengubahan wang haram.

"Mangsa yang menafikan pembabitan itu diarahkan berkongsi maklumat mengenai wang simpanannya bagi mengelak dirampas atau akaun banknya dibekukan sepanjang siasatan.

"Suspek didakwa memberitahu mangsa juga perlu memindahkan wang itu ke akaun baharu dengan jaminan akan dipulangkan semula selepas tamat siasatan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa diberi amaran tidak menceritakan hal berkenaan kepada orang lain termasuk ahli keluarga atau dikenakan tindakan melanggar Akta Rahsia Rasmi kerana mendedahkan siasatan polis.

Mangsa mendakwa memindahkan wang dari akaun Amanah Saham Bumiputera dan akaun bank miliknya ke akaun diberikan suspek sebanyak tujuh kali secara berperingkat mulai 23 Mac.

Mangsa mulai curiga selepas gagal menghubungi suspek bagi bertanyakan status siasatan baru-baru ini kerana mahu menggunakan wang simpanannya.

Mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini semalam, dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh didenda, jika sabit kesalahan. BERNAMA

Mangsa diberi amaran tidak menceritakan hal berkenaan kepada orang lain termasuk ahli keluarga.

Mohd Wazir Mohd Yusof, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang